

## Proses Pensejagatan Islam Tidak Pernah Luntur

**Abdurrahman Raden Aji Haqqi**

B.Shariah (Hons.), Kuwait University

M.C.L Kulliyyah Undang Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Ph. D in Law, Kulliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia

Diterbitkan oleh:  
UNISSA Press  
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu  
BE 1310, Gadong  
Negara Brunei Darussalam

© Abdurrahman Raden Aji Haqqi 2015

Cetakan Pertama 2015

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

ISBN 978-99917-65-39-6 (Kulit Keras)  
ISBN 978-99917-65-40-2 (Kulit Lembut)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:  
EZY Printing Services and Trading Company Sdn Bhd  
Negara Brunei Darussalam

Dicetak oleh:  
EZY Printing Services and Trading Company Sdn Bhd  
Negara Brunei Darussalam

## KANDUNGAN

KANDUNGAN.....	i
PENDAHULUAN .....	v
Al-Quran Kitab Petunjuk Serba Lengkap .....	1
Mengungkap Rahsia Urutan Surah Al-Quran.....	7
Kisah Samiri, Baling Kasut Elok Jadi Iktibar .....	11
Kisah Nabi Yusuf Iktibar Jaga Persaudaraan.....	15
Tiga Perangai Keji Jadi Kemahiran Yahudi .....	19
Mengaplikasi Konsep Menteri Dalam Al-Quran.....	23
Proses Pensejagatan Islam Tidak Pernah Luntur .....	27
Meratapi Andalus Demi Merapatkan Umat.....	31
Makanan Halal Memperkasa Umat .....	35
Perkasa Ummah Tonggak Perpaduan .....	41
Berserah Cara Mendapatkan <i>Tayyibāh</i> .....	47
4 Golongan Laksana Risalah Allah.....	53
Burung Jadi Kiasan Suratan Amal .....	57
Israk Mikraj Motivasi Ketuanan Umat .....	61
Nisfu Syaaban Laporan Amal Umat .....	65
Islam Rangkumi Sistem Kehidupan.....	69
Barat Pandang Rendah Universiti Islam .....	73
Pengisian Ramadan, Kemerdekaan.....	77
Bertakwa Persiapan Diri Bertemu Pencipta.....	81
Ramadan, Aidilfitri Didik Umat Bertakwa .....	85
Islam Titikberatkan Masalah Pemakanan .....	89
Wirid, Zikir Penenang Jiwa Paling Mujarab.....	93
Wukuf Beri Ingatan Nasib Di Padang Mahsyar .....	97
Manusia Wajar Contohi Perpaduan Semut .....	101
Pegangan Agama Asas Kekuatan Bangsa Melayu .....	105
Menunggu Janji Obama Terhadap Negara Islam.....	109
Menggilap Akhlak Demi Keselesaan Hidup.....	113
IPT Islam Lahirkan Cendekiawan Ulama.....	117
Mengingati Rasulullah Sepanjang Masa.....	121

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

Antara Mensejahtera, Menyengsara Umat.....	125
Mukmin Bijaksana Hidup Diberkati .....	129
Usia Kanak-Kanak Masa Terbaik Bentuk Sahsiah.....	133
Cendekiawan Bukan Penghuru Hara .....	139
Keperluan Undang-Undang Nafkah .....	143
Perbezaan Fatwa Dan Ijtihad .....	149
Syariah Berkesan Atasi Krisis Kewangan Global .....	153
Antara Fatwa, Ulama Dan Kerenah Umat .....	157
Zakat Diabai Punca Terjerumus Krisis Makanan .....	161
Melayu Teguh Pegang Nilai Telus Berasas Islam .....	167
Tamadun Lenyap Tanpa Akidah Tauhid .....	173
Bahasa Arab Asas Spiritual Tamadun .....	179
Gergasi Ekonomi Dunia Ranap Angkara Riba .....	185
Universiti Islam Wajar Kembali Kuasai Dunia .....	189
Kebahagiaan Dunia Banyak Muslihat .....	193
Obama Diharap Semarak Damai Sejagat.....	197
Harta Wakaf Kunci Laksana Kemakmuran Sosial .....	201
Takwim Hijrah Beri Keadilan Laksana Ibadah .....	205
Palestin Terus Sengsara Selagi Yahudi Berkuasa.....	209
Iman, Doa Bantu Pejuang Islam di Palestin.....	213
Kebijakan Ekonomi Islam Dikagumi Penulis Barat .....	217
Memperkasa Pertanian Atasi Krisis Makanan .....	221
Pemimpin Beragama Pelindung Rakyat .....	225
BAHAN BACAAN .....	229

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

### PERTAMA: AL-QURAN DAN TAFSIR

1. Al-Quran Kitab Petunjuk Serba Lengkap
2. Mengungkap Rahsia Urutan Surah Al-Quran
3. Kisah Samiri, Baling Kasut Elok Jadi Iktibar
4. Kisah Nabi Yusuf Iktibar Jaga Persaudaraan
5. Tiga Perangai Keji Jadi Kemahiran Yahudi
6. Mengaplikasi Konsep Menteri Dalam Al-Quran

### KEDUA: AGAMA, UMAT, DAN DAKWAH

7. Proses Pensejagatan Islam Tidak Pernah Luntur
8. Meratapi Andalus Demi Merapatkan Umat
9. Makanan Halal Memperkasa Umat
10. Perkasa Ummah Tonggak Perpaduan
11. Berserah Cara Mendapatkan Tayyibah
12. 4 Golongan Laksana Risalah Allah
13. Burung Jadi Kiasan Suratan Amal
14. Israk Mikraj Motivasi Ketuanan Umat
15. Nisfu Syaaban Laporan Amal Umat
16. Islam Rangkumi Sistem Kehidupan
17. Barat Pandang Rendah Universiti Islam
18. Pengisian Ramadan, Kemerdekaan
19. Bertakwa Persiapan Diri Bertemu Pencipta
20. Ramadan, Aidilfitri Didik Umat Bertakwa
21. Islam Titikberatkan Masalah Pemakanan
22. Wirid, Zikir Penenang Jiwa Paling Mujarab
23. Wukuf Beri Ingatan Nasib Di Padang Mahsyar
24. Manusia Wajar Contohi Perpaduan Semut
25. Pegangan Agama Asas Kekuatan Bangsa Melayu
26. Menunggu Janji Obama Terhadap Negara Islam
27. Menggilap Akhlak Demi Keselesaan Hidup
28. IPT Islam Lahirkan Cendekiawan Ulama
29. Mengingati Rasulullah Sepanjang Masa
30. Antara Mensejahtera, Menyengsara Umat
31. Mukmin Bijaksana Hidup Diberkati
32. Usia Kanak-Kanak Masa Terbaik Bentuk Sahsiah
33. Cendekiawan Bukan Penghuru Hara

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

### KETIGA: FEKAH DAN UNDANG-UNDANG

- 34. Keperluan Undang-Undang Nafkah
- 35. Perbezaan Fatwa Dan Ijtihad
- 36. Syariah Berkesan Atasi Krisis Kewangan Global
- 37. Antara Fatwa, Ulama Dan Kerenah Umat

### KEEMPAT: POLITIK, EKONOMI, DAN BUDAYA

- 38. Zakat Diabai Punca Terjerumus Krisis Makanan
- 39. Melayu Teguh Pegang Nilai Telus Berasas Islam
- 40. Tamadun Lenyap Tanpa Akidah Tauhid
- 41. Bahasa Arab Asa Spiritual Tamadun
- 42. Gergasi Ekonomi Dunia Ranap Angkara Riba
- 43. Universiti Islam Wajar Kembali Kuasai Dunia
- 44. Kebahagiaan Dunia Banyak Muslihat
- 45. Obama Diharap Semarak Damai Sejagat
- 46. Harta Wakaf Kunci Laksana Kemakmuran Sosial
- 47. Takwim Hijrah Beri Keadilan Laksana Ibadah
- 48. Palestin Terus Sengsara Selagi Yahudi Berkuasa
- 49. Iman, Doa Bantu Pejuang Islam Di Palestin
- 50. Kebijakan Ekonomi Islam Dikagumi Penulis Barat
- 51. Memperkasa Pertanian Atasi Krisis Makanan
- 52. Pemimpin Beragama Pelindung Rakyat

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

### PENDAHULUAN

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على سيد المرسلين وعلى آله وصحبه ومن تعههم بإحسان إلى يوم الدين،

Tajuk buku ini *Proses Pensejagatan Islam Tidak Pernah Luntur* diambil dari artikel Ruangan 'Ulul Albab' Berita Minggu Malaysia yang diterbitkan pada 7 September 2008. Buku ini merupakan kumpulan kedua Ruangan 'Ulul Albab' berkenaan yang diterbitkan bermula pada 20 April 2008 hingga 12 April 2009.

Dalam artikel yang ditulis sempena kedatangan bulan Ramadan ada disebutkan "Berbanding rukun Islam lain, puasa Ramadan mempunyai citra tersendiri dalam proses dakwah Islam kepada umat bukan Islam. Solat lima waktu sangat terhad kerana dilakukan sekali sekala saja setiap hari yang tidak akan memberikan kesan kewujudan Islam pada mata khalayak masyarakat antarabangsa. Ibadah haji, walaupun menunjukkan wujud pensejagatan kerana pada masa itu masyarakat antarabangsa 'ditumpukan' perhatian terhadap amalan haji empat hari di Tanah Suci. Demikian pula zakat yang lebih terhad lagi bahkan boleh dianggap redup dalam proses pensejagatan Islam kerana terhad pada kalangan tertentu sehingga tidak menarik perhatian masyarakat antarabangsa. Bagaimana dengan ibadat puasa Ramadan?

Ibadat ini menarik perhatian masyarakat antarabangsa kerana pada bulan kesembilan pada Tahun Hijrah seluruh umat Islam walau di mana berada akan berpuasa dengan tidak makan dan tidak minum serta tidak melakukan perkara yang membatalkan puasa selama sebulan. Ini bererti umat Islam dalam pemerhatian masyarakat antarabangsa selama 29 atau 30 hari. Bukankah ini lebih lama? Ketika mereka ingin melakukan perhubungan dengan umat Islam mereka akan mengambil kira apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh umat Islam sepanjang bulan suci itu. Setidak-tidaknya mereka juga 'perlu' belajar hukum puasa.

Oleh itu tidak menghairankan apabila sesetengah pemimpin dunia mengambil kesempatan pada bulan suci ini untuk mengucapkan perutusan khas Ramadan. Kita pernah dengar mengenai perutusan Bill Clinton diikuti George W Bush, Presiden Amerika Syarikat yang mengucapkan perutusan khas Ramadan dan Aidilfitri.

Proses pensejagatan Islam menerusi dakwah Ramadan tidak boleh ditutup lagi pada era ledakan maklumat ini. Di mana dan siapa pun yang sudah sampai kepadanya ledakan ini tidak akan 'terselamat' daripada sentuhan dakwah Islam. Oleh itu, kita banyak mempunyai rancangan

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

antarabangsa bersempena Ramadan seperti 'Ramadan in the World' dan memeluk Islam kerana Ramadan.

Keberhasilan tersebar Islam ke seluruh dunia tidak lain dan tidak bukan kerana dakwah yang dilakukan oleh Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam*, sahabat, tabi'in, tabi' tabi'in dan seterusnya. Tercatat dalam sejarah bahawa lemah lembut adalah faktor utama Islam diterima oleh hati penghuni dunia, bukan dengan pedang atau kekerasan."

Dalam buku ini dihimpunkan 50 buah artikel Ruangan 'Ulul Albab' yang diterbitkan setiap minggu. Ia merupakan catatan-catatan penulis mengenai bacaan, analisis dan luahan fikiran terhadap fenomena kehidupan umat Islam sejagat selama tahun penerbitan artikel itu.

Semoga ia bermanfaat.

Abdurrahman Raden Aji Haqqi  
Bandar Seri Begawan  
24 Februari 2015

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

### **PERTAMA: AL-QURAN DAN TAFSIR**

1. Al-Quran kitab petunjuk serba lengkap
2. Mengungkap rahsia urutan surah al-Quran
3. Kisah Samiri, baling kasut elok jadi iktibar
4. Kisah Nabi Yusuf iktibar jaga persaudaraan
5. Tiga perangai keji jadi kemahiran Yahudi
6. Mengaplikasi konsep menteri dalam al-Quran

## Al-Quran Kitab Petunjuk Serba Lengkap<sup>1</sup>

SAMBIL santap pada pagi Jumaat lalu, penulis terbaca satu laporan AFP dari Jepun yang menyatakan sebuah syarikat penerbitan di negara itu memohon maaf kerana keterlanjuran memaparkan al-Quran dalam siri kartun terbitan mereka, Jojo's Bizarre Adventure.

Dalam filem siri kartun yang diilhamkan daripada cerita komik kanak-kanak yang sudah dicetak sebanyak 70 juta naskhah di Jepun, dipaparkan bagaimana seorang penduduk kampung membawa imej al-Quran dan juga satu pertempuran di dalam masjid.

Komik ini sudah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia kecuali Bahasa Arab dan diedarkan ke merata tempat termasuk Amerika Utara, Eropah dan Asia.

Syarikat penerbitnya, Shueisha, pada satu sidang akhbar memohon maaf di atas kesilapan mereka itu yang boleh menguris hati umat Islam. Permohonan maaf ini, menurut mereka, didasarkan kepada suatu fakta bahawa al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang tidak boleh dipersenda apatah lagi sampai ke tahap penghinaan.

Pada 20 Mei lalu, Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush juga sudah meminta maaf kepada Perdana Menteri Iraq atas tindakan seorang askar AS menjadikan naskhah al-Quran sebagai sasaran latihan menembak di Iraq. Permohonan maaf itu datang selepas Perdana Menteri Iraq itu memaklumkan kepada Bush mengenai kekesalan dan kemarahan rakyat serta kerajaan Iraq atas tindakan keji askar AS terbabit dan Kabinet Iraq menuntut askar berkenaan dikenakan tindakan keras dan memberi amaran 'tindakan keras' akan diambil jika insiden serupa berulang lagi.

Kadangkala kita tidak habis fikir bagaimana manusia boleh melakukan perbuatan demikian yakni menjadikan mushaf al-Quran sebagai sasaran menembak? Apa ada pada sebuah buku? Mengapa mereka sampai hilang akal sehingga sebuah kitab yang sememangnya tidak boleh buat apa-apa pun secara fizikal dijadikan tempat melampiaskan kemarahan, ketidaksukaan dan kebencian mereka kepada ajaran yang dibawanya iaitu Islam? Sungguh, kita sememangnya tidak pernah akan mengerti kecuali dengan memahami firman Allah yang bermaksud: "(Selepas

---

<sup>1</sup> Berita Minggu, 25/5/08, hal. 13.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran?"<sup>2</sup>

Memahami serta memikirkan isi al-Quran adalah syarat keselamatan hidup di dunia dan akhirat bagi setiap insan tidak kira agama, bangsa, puak dan kedudukannya. Dalam syarat kedamaian dan keamanan dunia secara mikro adalah manusia mesti memahami umat Islam.

Akhbar ini, Khamis lalu menurunkan laporan yang menyatakan bahawa Menahem Froman, Pendeta Yahudi Ortodok paling terkenal di Israel percaya satu-satunya cara untuk merapatkan jurang antara Islam dan Barat serta mencapai keamanan di Asia Barat ialah dengan menghormati dan memahami Dunia Islam. Katanya, keamanan tidak wujud di Tanah Suci kerana Barat tidak menghormati Dunia Timur dan Islam. Kesombongan, keangkuhan, tidak berakhlik yang ditonjolkan penduduk AS dan Yahudi memang tidak boleh diterima olehnya dan umat Islam.

Beliau mencadangkan sebagai satu daripada jalan penyelesaian masalah di atas supaya wakil pentadbiran AS di negara asing mengambil cuti selama setahun dan mengkaji al-Quran serta Hadis.

Dengan berbuat demikian, orang Barat akan menemui banyak keistimewaan dalam proses memahami agama dan budaya Dunia Islam. Beliau berkata: "Islam adalah empayar kerohanian dan ada perkara perlu dipelajari darinya." Sebuah kesaksian daripada seorang pendeta Yahudi yang mengharukan.

Al-Quran adalah kitab petunjuk yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang benderang. Firman Allah tafsirnya: "Ini ialah Kitab (al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya daripada gelap gelita kufur kepada cahaya iman – dengan izin Tuhan mereka – ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji."<sup>3</sup>

Al-Quran diturunkan Yang Maha Mencipta, Allah untuk menjadi penengah dalam menyelesaikan sebarang perbezaan pandangan manusia. Al-Quran menyatakan maksudnya: "Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah

<sup>2</sup> Surah Muhammad: 24.

<sup>3</sup> Surah Ibrahim: 1.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

mereka berselisih), maka Allah mengutuskan nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang yang beriman dengan balasan syurga), dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar dengan balasan azab neraka); dan Allah menurunkan bersama nabi itu kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan.<sup>4</sup>

Orang yang membenci al-Quran seperti Geert Wilder dengan filem dokumentarinya, *Fitna* di Belanda dan askar Amerika di Iraq itu mempunyai sebab tertentu mengapa mereka berbuat demikian. Malangnya, sebab itu tidak masuk akal selain ia hanya ilusi kebencian yang telah ditanamkan pihak tertentu selama ini sehingga al-Quran tidak mempunyai nilai apa-apa di mata mereka. Padahal al-Quran adalah kalam Ilahi Yang Maha Agung.

Mereka menyalah tafsir al-Quran dan membencinya mungkin kerana al-Quran menetapkan wujudnya Allah yang mencipta seluruh alam sedangkan mereka menginginkan bahawa Allah tidak wujud dan semua alam adalah terjadi dengan sendirinya.

Mereka menyalah tafsir al-Quran dan membencinya mungkin kerana al-Quran menyebutkan kesimpulan sifat kebesaran dan sifat kesempurnaan Allah sedangkan bagi mereka Allah tidak mempunyai sifat sedemikian agar mereka boleh melakukan apa saja yang mereka ingin lakukan.

Mereka menyalah fahami al-Quran dan membencinya mungkin kerana al-Quran menyatakan kepada manusia akan hari kiamat yang padanya kelak mereka akan menerima balasan amalnya sedangkan mereka menginginkan kebebasan sepenuhnya tidak ada pahala dan dosa yang ada adalah hidup di dunia saja.

Mereka menyalah fahami al-Quran dan membencinya mungkin kerana al-Quran menerangkan tugas yang kerananya manusia diciptakan Allah iaitu untuk beribadat kepada-Nya sedangkan mereka menginginkan tidak dibebani dengan apa-apa beban di dunia ini. Yang mereka inginkan tidak ada ibadat yang mengekang kebebasan mereka pada hal ibadat dengan segala jenisnya tidak dapat tidak diperlukan oleh manusia kerana ia menghidupkan iman, menyihatkan tubuh badan, memperbaiki akhlak dan menyucikan jiwa.

Mereka menyalah fahami al-Quran dan membencinya mungkin kerana al-Quran memperkatakan kelemahan manusia, bahawa dia tidak akan

<sup>4</sup> Surah al-Baqarah: 213.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

dapat melakukan sesuatu pun melainkan dengan pertolongan Allah dan izin-Nya sedangkan mereka menganggap bahawa mereka dapat melakukan apa saja kerana kekuasaan akal fikiran mereka.

Mereka menyalah fahami al-Quran dan membencinya mungkin kerana al-Quran menerangkan bahawa perkara utama dihajati dan dimohon dari Allah ialah memperoleh hidayah dan taufik ke jalan yang membawa kebahagiaan dan cara melaluinya sedangkan mereka dengan bangga dan sompong mengisyiharkan bahawa mereka tidak memerlukan apa-apa daripada yang dinamakan Tuhan kerana mereka boleh menempuh jalan yang mereka suka dan mencorak peribadi mereka seperti yang mereka inginkan.

Dan, mereka menyalah fahami al-Quran dan membencinya mungkin kerana al-Quran mengarahkan manusia kepada memerhati dan memikirkan kisah umat manusia yang lalu dan hal ehwalnya supaya dia memilih akan apa yang menyebabkan kebahagiaan mereka, dan berjaga-jaga serta menjauhkan diri daripada apa yang menyebabkan kecelakaan mereka sehingga dapatlah dihidu di dunia ini dalam keadaan yang selamat, dan berjaya mendapat nikmat yang kekal pada hari akhirat kelak dalam syurga, sedangkan mereka mendakwa bahawa mereka tidak perlu mengambil iktibar daripada kisah lalu kerana ia hanya akan merugikan mereka dan mereka berasa kuasa untuk melakukan apa juu dengan tidak perlu menoleh ke belakang.

Inilah, mungkin beberapa sebab mengapa al-Quran disalah faham seperti yang kita simpulkan daripada kandungan ajaran dalam surah al-Fatihah, (Pembuka) yang mempunyai tujuh ayat.

Al-Quran pernah berjaya mencorak dan membina sebuah generasi cemerlang yang dilahirkan dalam sejarah tamadun manusia di mana menerusi keberhasilan itu umat manusia yang lain membencinya. Al-Quran menegaskan maksudnya: "Pada hari ini, orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) daripada agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepada-Ku."<sup>5</sup>

Pada suatu ketika datanglah seseorang kepada Ibn Mas'ud, seorang sahabat Nabi yang faham benar mengenai al-Quran, meminta nasihat kepada beliau seraya berkata: "Wahai Ibn Mas'ud, berilah nasihat yang dapat aku jadikan ubat bagi jiwaku yang sedang gelisah. Dalam

<sup>5</sup> Surah al-Maidah: 3.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

beberapa hari ini aku berasa tidak tenteram, jiwaku gelisah dan fikiranku kusut; makan tak enak tidur pun tak nyenyak."

Maka Ibn Mas'ud pun menasihatinya dengan katanya: "Kalau penyakit itu yang menimpamu, maka bawalah hatimu mengunjungi tiga tempat iaitu ke tempat orang membaca al-Quran, engkau baca al-Quran atau engkau dengar baik-baik orang yang membacanya; atau engkau pergi ke majlis ilmu yang mengingatkan hati kepada Allah; atau engkau mencari waktu dan tempat yang sunyi, di sana engkau berkhalwat menyembah Allah seperti pada waktu tengah malam di mana manusia sedang nyenyak tidur, engkau bangun solat malam, meminta dan memohon kepada Allah ketenangan jiwa, ketenteraman fikiran dan kemurnian hati.

Seandainya jiwamu belum juga terubat dengan cara ini maka engkau minta kepada Allah agar diberikan-Nya hati yang lain, sebab hati yang kamu pakai itu, bukan lagi hatimu.

Selepas orang itu kembali ke rumahnya, diamalkannya nasihat Ibn Mas'ud itu. Dia mengambil air sembahyang kemudian diambilnya al-Quran terus dia baca dengan hati yang khusyuk. Selesai membaca al-Quran, berubahlah kembali jiwanya menjadi jiwa yang aman dan tenteram, fikirannya tenang, kegelisahannya hilang tanpa kesan.

Nampaknya, kelebihan al-Quran inilah yang orang membenci al-Quran tidak menyedarinya. Seandainya mereka dengan jiwa yang tenang dan bersih mahu merujuk al-Quran seperti cadangan Froman jika mereka tidak mahu dengar seruan al-Quran, sudah tentu hati, jiwa, dan fikiran mereka akan tenteram, damai dan sejahtera. Dan pada akhirnya, mereka tidak akan membuat Fitna atau menjadikan al-Quran sasaran tembak lagi. Ini bagi bukan Islam, bagaimana orang Islamnya?  
Wallahu a'lam.

## Mengungkap Rahsia Urutan Surah Al-Quran<sup>6</sup>

PERNAHKAH anda terfikir mengapa al-Quran yang mengandungi 114 surah dimulakan dengan al-Fatihah diikuti surah al-Baqarah, Ali 'Imran dan diakhiri dengan surah al-Nas dengan sebelumnya adalah surah al-Falaq dan al-Ikhlas? Apakah rahsia di sebaliknya dan manfaat yang boleh kita ambil daripadanya?

Al-Quran ialah semulia kitab dan tidak diragukan ia Kalamullah mengatasi segala kalam. Mushaf yang ditulis Kalamullah wajib dihormati, dimuliakan dan tidak mendedahkannya kepada penghinaan serta pencemaran.

Al-Quran seperti disifatkan Baginda Rasulullah maksudnya: "(Berpegang) kepada kitab Allah yang sudah menceritakan orang sebelummu dan berita orang sesudahmu, dan sebagai penghukum apa yang terjadi antara sesamamu. Kitab Allah adalah firman yang memisahkan antara hak dan batil serta bukan senda guru, orang yang meninggalkan kitab Allah daripada orang yang sompong, Allah akan membinasakannya, orang yang mencari petunjuk selain kitab Allah, maka Allah akan menyesatkannya, kitab Allah adalah (tali) Allah yang kuat, ia juga kitab yang penuh hikmah, jalan yang lurus, ia tidak condong pada hawa nafsu, tidak berat pada setiap lisan, alim ulama tidak akan kenyang padanya, ia tidak usang oleh banyak diulang (bacaannya), ia tidak habis keajaibannya, ia tidak hentinya, tatkala jin mendengarnya, mereka berkata: (Sesungguhnya kami sudah mendengar al-Quran menakjubkan yang memberi petunjuk kepada jalan benar, lalu kami beriman kepadanya). Barang siapa berkata dengan al-Quran, maka benarlah dia, barang siapa yang mengamalnya, dia diberi pahala, orang yang menetapkan hukum dengannya maka dia adil dan barang siapa mengajak kepada al-Quran, ia mendapat petunjuk pada jalan yang lurus. Ambillah (kata yang baik) hai A'war."<sup>7</sup>

Dalam hadis ada menyatakan 'ulama tidak kenyang padanya, ia tidak usang oleh banyaknya diulang (bacaannya), ia tidak habis keajaibannya.' Kita sudah menjumpai bukti kebenaran ucapan hadis ini. Kita dapat ulama menemukan perkara baru selepas merujuk kepadanya; kita dapat ulama tidak pernah bosan mendengarkannya dan kita dapat banyak keajaiban yang timbul daripadanya.

---

<sup>6</sup> Berita Minggu, 15/3/09, hal. 42

<sup>7</sup> Hadis riwayat Tirmizi. Lihat al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwazi*, jld. 7, hal. 323. (Dhaif)

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

Ulama yang arif mengeluarkan banyak ilmu daripada al-Quran; ulama yang bijak pandai sudah banyak mengeluarkan hukum yang jitu daripada al-Quran; ulama yang ikhlas lagi setia banyak mengungkap rahsia al-Quran sebagai petunjuk bagi umat manusia dan membuka tabir keagungan Allah Taala.

Tiada satu kitab pun di dunia ini yang boleh dibandingkan dengan al-Quran. Tidak ada satu kitab pun di dunia selain al-Quran yang sangat menarik perhatian manusia dari segi bahasa, tatabahasa, sastera, kandungan bahkan jumlah kata dan hurufnya sehingga ulama mengira bahawa lafaz 'Allah' dengan fathah (di atas) ialah 591, dengan kasrah (di bawah) 1,131 dan dengan dammah (di depan) berjumlah 974.<sup>8</sup>

Melalui tadabbur al-Quran kita mendapati gaya bahasa dan metod persembahan dalam menyampaikan mesejnya sungguh bergaya. Tatabahasa tepat, penyampaian menarik, struktur ayat yang indah dan pilihan perkataan yang cantik hanya sebahagian daripada pesona memukau bagi menggamtis insan bertadabbur terhadap wahyu llahi.

Satu cabang ilmu al-Quran yang diciptakan manusia adalah ilmu asrar tartib suwar al-Quran atau rahsia urutan surah-surah al-Quran. Ilmu ini tidak seberapa berbanding ilmu munasabah al-ayat atau ilmu hubung kait satu ayat kepada ayat yang lain yang selalu kita dapati dalam *Tafsir Mafatih al-Ghaib* (Kunci Alam Ghaib) karangan Imam al-Razi (w 1209M) kerana yang pertama disebut hanya membincangkan 114 surah sedangkan terakhir membincangkan seluruh ayat al-Quran berjumlah lebih 6,000 ayat.

Adalah Imam al-Suyuti (w 1505M), seorang ulama ensiklopedia kerana menulis di semua bidang ilmu keislaman pernah menulis kitab *Asrar Tartib al-Quran*.

Ketika membincangkan rahsia mengapa al-Quran dimulakan dengan al-Fatihah, beliau berkata pada halaman pertama: "Allah Subhanahu Wata'ala memulakan kitab-Nya dengan surah ini (al-Fatihah) kerana di dalamnya terkumpul semua tujuan al-Quran, oleh itu ia juga dinamai *Umm al-Quran* (induk al-Quran), *Umm al-Kitab* (induk al-kitab) dan *al-Asas* (Asas), maka ia sesuai dengan namanya sebagai pembuka.

Berkata Hasan al-Basri: "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menyimpan semua ilmu kitab terdahulu di dalam al-Quran; kemudian Dia menyimpan ilmu al-Quran dalam surah al-Mufassal; kemudian Dia

<sup>8</sup> Rujuk: Al-Maqdisi, *Fath al-Rahman*, 489.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

menyimpan ilmu al-Mufassal dalam surah al-Fatiyah. Siapa mengetahui tafsir al-Fatiyah seolah-olah mengetahui tafsir semua kitab yang diturunkan (itu)."<sup>9</sup>

ketika masuk membincangkan surah al-Baqarah, al-Suyuti menulis: Sebahagian imam berkata: "Surah al-Fatiyah merangkumi pengakuan terhadap ketuhanan (rububiyyah) dan cara kembali kepada-Nya dalam Islam dan juga pemeliharaan daripada agama Yahudi dan Kristian.

Sedangkan surah al-Baqarah merangkumi kaedah asas agama dan surah Ali Imran sebagai penyempurna maksudnya. Surah al-Baqarah adalah dalil hukum sedangkan Ali Imran jawapan terhadap kekeliruan musuh (Islam)."<sup>10</sup>

Akhirnya ketika membincangkan surah al-Nas, al-Suyuti menulis: "Selepas itu disebut pula surah al-Nas yang di dalamnya diberitakan mengenai martabat dan darjat jiwa manusia."<sup>11</sup>

Perkara yang menarik ialah mengapa disebut dalam surah ini tiga perkataan berbeza untuk satu benda yang sama. Rab al-nas, malik al-nas dan ilah al-nas. Jika dalam tafsiran biasa diterjemah dengan 'Pemelihara sekalian manusia', 'Yang Menguasai sekalian manusia', dan Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia', secara berurutan. Al-Suyuti mengetengahkan pendapat Ibn al-Zamilkani dalam memahami rahsianya iaitu tiga kata 'al-nas' diertikan kanak-kanak, belia dan orang tua secara berurutan kerana sebab tertentu seperti dilihat Ibn al-Zamilkani.

Inilah rahsia ilmu al-Quran yang dijumpai ulama yang tidak pernah dilakukan terhadap kitab sebelumnya. Ia bertujuan menambah dan mempertingkatkan keimanan Muslim yang mencintai kita sucinya.

Al-Quran diturunkan oleh Allah bertujuan menyuntik semangat keimanan kepada manusia. Semangat yang sudah berputik menimbulkan minat untuk membaca dan beramal dengan tuntutannya penuh keyakinan tanpa dibatasi faktor masa, kaum, kepentingan dan tempatan.

Seseorang yang bermula dengan iman yakin dan percaya kesesuaian kitab ini pada semua zaman dan masa kerana diturunkan oleh Allah, Tuhan yang menciptakan makhluk manusia.

<sup>9</sup> Diriwayatkan al-Baihaqi.

<sup>10</sup> Halaman 2.

<sup>11</sup> Halaman 43.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

"Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam)," seperti maksud firman Allah dalam surah al-Isra' ayat 9. Maha Benar Allah!

### Kisah Samiri, Baling Kasut Eloq Jadi Iktibar<sup>12</sup>

KETIKA berada di Iran untuk menghadiri satu persidangan wakaf antarabangsa bulan lalu, ada suatu perkara yang menarik perhatian penulis.

Goloangn lelaki di sana memakai kasut berbentuk lancip (runcing), tidak seperti yang kita pakai. Kasut mereka seperti yang kita lihat dalam cerita Aladdin dan lampu ajaibnya. Bentuk kasut seperti itulah yang boleh kita lihat sepanjang setengah kilometer kedai kasut di Jalan el-Enqilab, kota Teheran, ibu negara Iran.

Oleh kerana kasut seperti ini, seorang pensyarah di Universiti Brunei Darussalam mendapat hadiah daripada lelaki berpakaian kemas pada majlis makan malam tahunan universiti beberapa tahun lalu.

Dalam etika pergaulan moden, kasut menunjukkan sahsiah pemakainya. Oleh itu, kasut mempunyai pelbagai ragam yang mempunyai kaitan terhadap perbezaan harganya.

walaupun kita tidak dapat mengenal pasti bila manusia kali pertama memakai kasut, Selasa lalu, dunia digemparkan dengan kisah kasut.

Dunia menyaksikan peristiwa membaling kasut kepada seorang pemimpin dunia paling kontroversi dekad ini oleh seorang wartawan sebuah stesen televisyen ketika mengadakan sidang media di negara yang dicerobohi selama dua penggal dia menjadi presiden di negaranya.

Sememangnya, sebuah episod akhir kepemimpinan yang tragik. Ketika mahu menggambarkan dirinya sebagai pemimpin berkarisma dunia, kasut pula yang diterima. Kasut terbabit adalah harga bagi ribuan tentera yang terbunuh dan jutaan keluarga yang terkena kesan serta menghabiskan kos perbelanjaan sebanyak AS\$508 bilion berdasarkan versi kajian Government Accountability Office, Amerika Syarikat atau AS\$687 bilion mengikut versi Center for Strategic and Budgetary Assessments (CSBA), Amerika Syarikat seperti dilaporkan Reuters, Rabu lalu.

Pemimpin dunia terbabit dengan kekuasaannya berhasil mengaburi mata masyarakat antarabangsa agar mereka mempercayai apa yang dia kata.

---

<sup>12</sup> Berita Minggu, 21/12/08, hal. 36

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

Peristiwa ini ada persamaannya dengan peristiwa berlaku pada zaman Nabi Musa AS dengan pelakonnya adalah seorang intelektual bernama Samiri.

Melalui kepandaian dan kelicikan Samiri, Bani Israil dikelaburi hingga mereka melupakan nabi mereka dan kemudian menyembah patung seekor anak lembu yang dibuat daripada leburan perhiasan yang dicampur dengan ‘tanah keramat’.

Peristiwa itu dikisahkan dalam al-Quran yang bermaksud: “(Setelah selesainya urusan itu) maka Allah berfirman kepada Nabi Musa: “Sesungguhnya Kami sudah mengenakan kaummu satu fitnah ujian sepeninggalanmu, dan mereka telah disesatkan oleh Samiri.”<sup>13</sup>

Apakah kesesatan yang dibuat oleh Samiri? Al-Quran memperincikan dengan ayat berikut: “Kemudian Samiri mengeluarkan untuk mereka dari leburan barang-barang itu (patung) seekor anak lembu yang bertubuh lagi bersuara, lalu mereka berkata: ‘Ini ialah tuhan kamu dan tuhan bagi Musa, tetapi Musa telah lupa!’”<sup>14</sup>

Kesesatan mereka daripada ajaran Nabi Musa yang sedang pergi berjumpa Allah adalah akibat tindakan Samiri yang diberitakan al-Quran dengan ayat bermaksud: “Mereka menjawab: “Kami tidak menyalahi janji kami kepadamu itu dengan kuasa dan ikhtiar kami, tetapi kami telah dibebankan membawa barang perhiasan orang-orang (Mesir) itu, supaya kami mencampakkannya ke dalam api lalu kami melakukan yang demikian, maka demikianlah juga Samiri mencampakkan apa yang dibawanya.”<sup>15</sup>

Dalam ulasan mengenai ayat ini, *Tafsir Pimpinan Arrahman* menyatakan: “Ketika mereka (Bani Israil) tinggal di Mesir, mereka meminjam barang perhiasan orang Mesir kerana hendak memakainya pada hari perayaan.

Tetapi sebelum mereka menyambut hari raya itu, mereka diperintahkan keluar dari Mesir bersama Nabi Musa untuk melepaskan diri daripada kekejaman Firaun, dengan tidak sempat memulangkan barang itu kepada tuannya, lalu mereka membawanya bersama.

Ketika mereka bersungut dan resah gelisah kerana Nabi Musa lambat kembali dari Gunung Tursina, Samiri berkata kepada mereka:

<sup>13</sup> Surah Taha: 85.

<sup>14</sup> Surah Taha: 88.

<sup>15</sup> Surah Taha: 87.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

Kelambatan Nabi Musa ialah disebabkan kamu menyimpan barang orang itu.

Untuk melepaskan diri daripada dosanya, campakkan dia ke dalam api. Samiri mengesyorkan demikian supaya dia dapat merosakkan agama mereka.

Kita melihat bagaimana Samiri mengaburi umat Nabi Musa dengan menakut-nakutkan dan membuat cerita karut hingga umat Nabi Musa yang dalam keadaan gelisah dan gundah gulana mempercayai propagandanya.

Kejayaan propaganda Samiri dibuktikan dengan membuat patung anak lembu supaya mereka menyembahnya.

Patung itu dibuat dengan cara mengeluarkan suaranya daripada angin yang bertiup ke dalam rongganya.

Keberkesanan propaganda itu dimulakan dengan pembohongan yang menyatakan bahawa Nabi Musa melupakan tuhannya hingga dia perlu pergi ke Gunung Tursina sedangkan tuhan itu (patung anak lembu) ada bersama mereka.

Selama beberapa hari mereka termakan oleh propaganda Samiri dan tetap menyembah patung itu walaupun diingatkan oleh Nabi Harun Alaihissalam mengenai kesesatan itu.

Bahkan dengan tegas dan percaya diri, mereka menyatakan maksudnya: "Mereka menjawab: "Kami tidak sekali-kali akan meninggalkan penyembahan patung ini, (bahkan) kami akan tetap menyembahnya hingga Nabi Musa kembali kepada kami."<sup>16</sup>

Begin dahsyat pengaruh propaganda Samiri hingga kewarasan umat Nabi Musa tidak terkawal dan mempercayai semua yang dikatakan Samiri adalah benar dan bukan bohong.

Persoalan mengenai tujuan Samiri berbuat demikian diperjelaskan al-Quran dalam ayat bermaksud: "Dia menjawab: "Aku mengetahui dan menyedari apa yang tidak diketahui oleh mereka, lalu aku mengambil

---

<sup>16</sup> Surah Taha: 91.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

segenggam daripada kesan jejak Rasul itu, kemudian aku mencampakkannya; dan demikianlah aku dihasut oleh hawa nafuku.”<sup>17</sup>

Dalam ulasan Abdullah Basmeh, mengikut kebanyakan ahli tafsir, ‘Rasul’ itu ialah Jibril Alaihissalam.

Sebagai satu cubaan yang menimpa kaum Bani Israil, Samiri melihat Jibril ketika datang membawa wahu kepada Nabi Musa lalu dilihatnya tanah bekas kaki kuda yang ditunggang oleh Jibril menjadi hijau.

Dia pun mengambil segenggam daripada tanah itu kerana terlintas di hatinya bahawa tanah itu ada khasiatnya.

Ketika ketiadaan Nabi Musa, timbulah cita-citanya hendak menghidupkan agama menyembah lembu, lalu disuruhnya Bani Israil melebur barang perhiasan yang ada dalam simpanan mereka.

Dia kemudian menabur tanah itu kepada leburan itu menyebabkan dengan serta-merta menjadi (patung) seekor anak lembu yang bersuara.

Bagaimanapun, ada juga yang mengatakan ‘Rasul’ itu adalah Nabi Musa.

Sebagai hukuman dan balasan terhadap propaganda yang tidak masuk akal itu, akhirnya Samiri dikutuk Allah dengan firman-Nya yang bermaksud: “Nabi Musa berkata kepada Samiri: ‘Jika demikian, pergilah, (engkau adalah diusir dan dipulaukan), kerana sesungguhnya telah ditetapkan bagimu akan berkata dalam kehidupan dunia ini: ‘Jangan sentuh aku,’ dan sesungguhnya telah dijanjikan untukmu satu balasan akhirat yang engkau tidak sekali-kali akan terlepas daripadanya.”<sup>18</sup>

Pada akhir hayatnya dalam buangan, pemulauan serta penghinaan, Samiri ditimpa penyakit berjangkit hingga dia tidak mahu disentuh orang dan orang ramai takut menghampirinya.

Demikian kisah Samiri dalam al-Quran yang mungkin boleh kita ambil pengajarannya untuk memahami makna peristiwa baling kasut baru-baru ini.

Wallahu a’lam.

<sup>17</sup> Surah Taha: 96.

<sup>18</sup> Surah Taha: 97.

### Kisah Nabi Yusuf Iktibar Jaga Persaudaraan<sup>19</sup>

PUNCA kemelut dalam keluarga Nabi Yakub *Alaihissalam* disebabkan keistimewaan yang diterima Nabi Yusuf dan adiknya, Bunyamin daripada bapa mereka sehingga lahir rasa iri hati dan ketidakpuasan 10 saudara mereka yang lain.

Al-Quran merakamkan maksudnya: "(Kisah itu bermula) tatkala saudara-saudara Yusuf berkata (sesama sendiri): "Sesungguhnya Yusuf dan adiknya lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, padahal kita ini satu kumpulan (yang ramai dan berguna). Sesungguhnya bapa kita adalah dalam keadaan tidak adil yang nyata."<sup>20</sup>

Yusuf dan Bunyamin anak daripada isteri Nabi Yakub bernama Rahil. Ibnu Kathir dalam kitabnya, *Qisas al-Anbiya* mengulas ayat di atas dengan berkata:

"Selanjutnya Dia (Allah) menceritakan perasaan dengki saudara Yusuf terhadapnya dan Bunyamin yang mendapat perhatian lebih banyak daripada orang tuanya berbanding mereka, padahal mereka satu kumpulan yang kuat. Mereka mengatakan: "Padahal kami lebih berhak dicintai dan disayangi daripada kedua-dua mereka, sesungguhnya bapa kami dalam keadaan tidak adil yang nyata," iaitu kerana dia lebih mencintai dan menyayangi Yusuf dan Bunyamin daripada kami."

Nabi Yakub mempunyai sebab untuk lebih mencintai dan menyayangi Yusuf yakni maksudnya: "(Ingatlah peristiwa) tatkala Yusuf berkata kepada bapanya: "Wahai ayahku! Sesungguhnya aku bermimpi melihat 11 bintang dan matahari serta bulan; aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku."<sup>21</sup> Menurut Yakub, ayat ini tanda Yusuf akan menjadi nabi dan rasul. Oleh itu, Baginda selalu menjaga dan memelihara Yusuf.

Kisah dengki antara keluarga ini menjadi punca dimasukkannya Surah Yusuf dalam senarai 114 surah al-Quran. Menurut Ibnu 'Abbas Radiyallahu anhu bahawa sahabat meminta kepada Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* menceritakan (sesuatu yang memberi pengajaran), lalu turun ayat suci yang menceritakan perihal Nabi Yusuf *Alaihissalam*.

<sup>19</sup> Berita Minggu, 15/2/09, hal. 36

<sup>20</sup> Surah Yusuf: 8.

<sup>21</sup> Surah Yusuf: 4.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

Dalam surah ini ada kisah yang amat indah susunannya, amat benar kandungannya dan penuh hikmat serta pengajaran yang memberi iktibar. Ibnu Kathir dalam kitab yang sama menyatakan: "Berkaitan dengan keistimewaan Nabi Yusuf Alaihissalam dan pelbagai peristiwa yang dialaminya, Allah menurunkan satu surah al-Quran. Perkara ini dimaksudkan agar semua hal yang dikandungnya terdiri daripada hikmat, nasihat, etika dan pelbagai kebijaksanaan dapat diambil dan dimanfaatkan kaum Muslimin."

Kedengkian saudara sebapa Yusuf itu menjadi punca wujudnya konspirasi untuk membunuh Yusuf. "(Ramai antara mereka berkata: "Bunuhlah Yusuf atau buang dia ke suatu tempat yang jauh, supaya perhatian dan kasih sayang bapa kamu tertumpu kepada kamu semata-mata dan supaya kamu sesudah itu menjadi orang yang baik dan berguna," maksud ayat 9 Surah Yusuf.

Mereka tiada pilihan dan jalan penyelesaian kecuali menyingkirkan Yusuf. Akhirnya konspirasi dilaksanakan, maka terjadi episod drama keluarga yang paling autentik kebenarannya dalam sejarah kemanusiaan. Al-Quran menyatakan maksudnya: "Selepas mereka pergi dengan membawanya bersama dan mereka sekata hendak melepaskan dia ke dalam perigi, (mereka pun melakukan yang demikian), dan Kami pula ilhamkan kepadanya: "Sesungguhnya engkau (wahai Yusuf, akan selamat, dan) akan memberitahu perbuatan mereka ini, sedang mereka tidak sedar (dan tidak teringat lagi kepadanya)."<sup>22</sup>

Ibnu Abbas berkata: "Kelak engkau pasti akan menceritakan peristiwa ini kepada mereka pada saat mereka tidak mengenalmu lagi," dan Nabi Yusuf sudah mempunyai kedudukan sangat mulia sebagai penguasa.

Dalam ayat berikutnya dinyatakan maksudnya: "Dan sesudah itu datanglah mereka mendapatkan bapa mereka pada waktu senja sambil menangis."

Sesungguhnya ia satu episod konspirasi yang sempurna. Mereka membuang Yusuf ke dalam perigi, menunggu hingga senja berpura-pura menangis ketika berjumpa bapa mereka. Oleh itu, seperti dikatakan Ibnu Kathir, orang salaf pernah berkata, "Jangan kalian terpedaya oleh tangan orang yang berbuat zalim, berapa ramai pelaku kezaliman menampakkan diri dengan tangisan."

---

<sup>22</sup> Surah Yusuf: 15.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

Dalam kisah Yusuf bersaudara kita perhatikan bagaimana saudara memfitnah dan mencederakan saudaranya sendiri disebabkan penyakit dengki yang dialami hati saudara Yusuf. Kisah ini berlangsung berdekad lamanya sehingga ke suatu masa apabila al-Quran menerangkan maksudnya: "Maka tatkala mereka (Nabi Yakub dan keluarganya) masuk (ke Mesir) menemui Yusuf, Yusuf segera menyambut serta memeluk kedua ibu bapanya, sambil berkata: "Masuklah kamu ke negeri Mesir, insya-Allah kamu berada di dalam aman."<sup>23</sup>

Nabi Yusuf memaafkan perbuatan saudaranya dengan katanya bermaksud: "Yusuf berkata: "Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (mengenai perbuatan kamu yang terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu dan Dialah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani."<sup>24</sup>

Saling memaafkan perbuatan yang patut dilakukan oleh saudara terhadap saudaranya seperti pengajaran yang kita petik daripada kisah Nabi Yusuf Alaihissalam dengan saudaranya.

Dalam Islam, sebagai Muslim kita perlu selalu memancarkan wajah ceria dan riang kepada saudara Muslim kita. Senyuman kepada saudara kita adalah sedekah seperti diajarkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kita perlu juga membabitkan saudara Muslim dalam perbincangan bersama kita, yakni dengan memberinya kesempatan menceritakan diri dan keadaannya. Tanyakan urusannya, baik yang bersifat umum mahupun khusus, selama hal itu layak untuk ditanyakan.

Selain itu, perhatikan dan bantu ia seboleh mungkin kerana ini termasuk sabda Baginda yang menyatakan bahawa siapa yang tidak memperhatikan urusan orang Muslim, maka dia tidak termasuk golongan mereka. Allah juga berfirman maksudnya: "Orang beriman baik lelaki mahupun perempuan, sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian lainnya."<sup>25</sup>

Termasuk perkara yang dapat membahagiakan saudara sesama Muslim kita juga adalah tidak mengungkit keburukannya masa lalu dan tidak melukai perasaannya ketika bergurau kerana ajaran Islam mengajarkan "Janganlah anda bertengkar dengan saudara anda (sesama Muslim); jangan anda bergurau dengannya dengan gurau yang dapat menyakiti

<sup>23</sup> Surah Yusuf: 99.

<sup>24</sup> Surah Yusuf: 92.

<sup>25</sup> Surah al-Taubah: 71.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

perasaannya; dan janganlah membuat janji tengannya sedang anda mengingkarinya." Kisah Nabi Yusuf *Alaihissalam* dengan saudaranya berakhir dengan suasana gembira dan dijadikan iktibar oleh Allah untuk berinteraksi dengan saudara sesama Muslim kerana kita bersaudara.

Adakah kita akan mengikuti jalan kisahnya untuk menzalimi saudara kita dulu kemudian bertaubat atau kita terus berbuat baik terhadap mereka kerana siapa yang menjamin kita akan bertaubat kelak?

Wallahu a'lam.

### Tiga Perangai Keji Jadi Kemahiran Yahudi<sup>26</sup>

APABILA ayat suci al-Quran dikumandangkan dan diperdengarkan di telinga orang beriman maka ia akan menambah frekuensi keimanan mereka seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam al-Quran bermaksud: "Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah beriman dan kepada Tuhan mereka jualah berserah."<sup>27</sup>

Sebaliknya, jika ia diperdengarkan di telinga orang kafir termasuk Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) maka ia akan menambah kederhanaan dan kekufuran mereka seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam al-Quran bermaksud: "Dan demi sesungguhnya, apa yang diturunkan kepadamu (wahai Muhammad) dari Tuhanmu itu, akan menambahkan kederhanaan dan kekufuran kepada kebanyakan mereka."<sup>28</sup>

Kemudian, ayat dalam edisi bahasa yang sama juga disebutkan pada ayat 68 surah sama dengan tambahan perkataan "Oleh itu janganlah engkau berduka cita terhadap kaum yang kafir itu."

Jika ayat 64 di atas sebagai jawapan ke atas dakwaan orang Yahudi yang berkata bahawa tangan Allah terbelenggu dengan pengertian bakhil atau kikir atau kedekut, maka ayat 68 sebagai perkhabaran bagi semua Ahli Kitab kerana ia dimulakan dengan "Katakanlah: Wahai Ahli Kitab!"

Penyebab keadaan yang berlawanan di atas yakni bertambah iman dan bertambah derhaka dan kufur adalah sama iaitu al-Quran al-Karim. Orang beriman bertambah imannya kerana dalam al-Quran ada tanda kekuasaan Allah, manakala orang kafir khasnya Ahli Kitab bertambah derhaka dan kufur kerana al-Quran membuka tembelang siapa mereka sebenarnya.

Termasuk tembelang mereka yang dibuka al-Quran adalah ayat yang bermaksud: "Wahai Rasul Allah! Janganlah engkau menanggung dukacita disebabkan orang yang segera menceburkan diri dalam kekufuran, iaitu dari orang yang berkata dengan mulutnya: "Kami telah beriman", padahal hatinya tidak beriman; demikian juga dari orang

<sup>26</sup> Berita Minggu, 23/2/09, hal 36

<sup>27</sup> Surah al-Anfal: 2.

<sup>28</sup> Surah al-Maidah: 64.

## PROSES PENSEJAGATAN ISLAM TIDAK PERNAH LUNTUR

Yahudi, mereka orang yang sangat suka mendengar berita dusta; mereka sangat suka mendengar perkataan golongan lain (pendita Yahudi) yang tidak pernah datang menemuimu; mereka ini mengubah serta meminda perkataan (dalam Kitab Taurat) itu dari tempat yang sebenar. Mereka berkata: "Jika disampaikan kepada kamu hukum seperti ini, maka terimalah dia dan jika tidak disampaikannya kepada kamu, maka jagalah diri baik-baik". Dan sesiapa yang dikehendaki Allah kesesatannya, maka engkau tidak berkuasa sama sekali (menolak) sesuatu apapun (yang datang) dari Allah untuknya. Mereka ialah orang yang Allah tidak mahu membersihkan hati mereka; bagi mereka kehinaan di dunia dan akhirat kelak mereka beroleh azab yang besar.

Mereka sangat suka mendengar berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu, kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil."<sup>29</sup>

Ada tiga sifat perangai orang Yahudi yang ditekankan ayat di atas dan ia sudah menjadi fenomena global dan trademark mereka sepanjang zaman. Ketiga-tiga sifat itu adalah *samma'una li al-kazib*; *samma'una li al-qaum al-akharin*; dan *akkaluna li al-suht*. Dalam bahasa kita sehari-hari pada masa ini, sifat ini boleh disebut dengan pendustaan, gosip, rasuah dan riba. Sepanjang sejarah ketamadunan manusia ketiga-tiga sifat Yahudi ini sangat menyerlah.

Mereka mendustakan nabi dan rasul yang mereka tidak sukai, walaupun daripada kalangan mereka sendiri. Allah berfirman maksudnya: "(Tetapi) tiap-tiap kali datang seorang rasul kepada mereka dengan membawa apa yang tidak disukai oleh hawa nafsu mereka, mereka dustakan sebahagian daripada rasul itu, dan mereka bunuh yang sebahagian lagi."<sup>30</sup>

Begitu pula dusta keji mereka ke atas Maryam maksudnya: "Demikian juga (Kami lagnatkan mereka) dengan sebab kekufuran mereka dan

<sup>29</sup> Surah al-Maidah: 41-42.

<sup>30</sup> Surah al-Maidah: 70.